

Bil.(16)dmlm.JK/IP 39/54-A.

Jabatan Kehakiman,  
Mahkamah Persekutuan,  
Malaysia,  
Kuala Lumpur.  
11hb. Disember, 1979.

Semua Yang Di Pertua, Mahkamah Sesyen Malaysia.

Semua Majistret, Mahkamah Rendah Malaysia.

Semua Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya dan Borneo.

Semua Pendaftar, Mahkamah Sesyen Malaysia.

Tuan,

Pekeliling Pendaftar (A) No. 6/79

Laporan Bulanan Kes Sivil dan Jenayah

Saya merujuk kepada perkara diatas dan memaklumkan bahawa Laporan Bulanan yang diterima oleh Pentadbiran ini masih didapati kurang lengkap; iaitu tidak memberi gambaran yang sebenar atas sebab-sebab banyaknya kes yang belum diselesaikan atau lewat diselesaikan. Seperti tuan sedia maklum, soal kes yang banyak belum diselesaikan sering ditimbulkan di Parliment dan tersiar dalam akhbar-akhbar tempatan. Walaupun sebab-sebab kelewatan penyelesaian kes-kes itu telah diberi oleh Pentadbiran ini, ada pihak-pihak yang berkenaan tidak bersetuju dengan sebab-sebab yang diberi itu; malahan ada setengah pihak menentang dengan kerasnya terhadap beri itu.

2. Oleh itu, Pentadbiran ini telah merangka satu Borang Laporan tersebut untuk tuan isikan tiap-tiap bulan dan hantarkan mengikut peraturan seperti dihuraikan dibawah ini:

A. Cara Mengisi Borang.

- (a) Contohnya adalah seperti terdapat dalam Borang berkepil. Tuan perlulah berikhtiar menyiapkan borang itu di Pejabat tuan sendiri. Ruangan satu (1) hendaklah menunjukkan bil. kes yang belum diselesaikan pada akhir bulan sudah (jika Laporan itu untuk bulan December, 1979, maka ruangan itu hendaklah diisi dengan bil. kes yang belum selesai pada akhir bulan November, 1979. Begitulah jua cara pengisiannya pada bulan-bulan akan datang).
- (b) Ruangan dua (2) hendaklah diisikan dengan bil. kes yang didaftarkan dalam bulan yang diliputi laporan itu (dari 1hb. akhir bulan itu). Jika laporan itu untuk bulan December, 1979, maka ruangan itu hendaklah diisi dengan bil. kes yang diterima mulai 1hb. - 31st. December, 1979.
- (c) Ruangan tiga (3) hendaklah diisi dengan bil. kes yang diselesaikan dalam bulan berkenaan. Jika laporan itu untuk bulan December, 1979, maka ruangan itu hendaklah diisikan dengan bil. kes yang diselesaikan mulai 1hb. - 31hb. December, 1979.
- (d) Ruangan empat (4) dan enam (6) hendaklah diisikan dengan bil. kes yang ditangguhkan mengikut sebab-sebab kes itu ditangguhkan. Jika 5 kes ditangguhkan kerana ketiadaan pihak pendakwa dan 10 kes ditangguhkan kerana ketiadaan saksi atau sebab-sebab yang lain, maka bil. itu hendaklah dituliskan mengikut sebab-sebabnya yang hendaklah diisikan diruangan lima (5)

dan tujuh (7).

- (e) Adalah diingatkan Borang Lapuran ini adalah sebagai Borang Lapuran tambahan kepada Borang-Borang Lapuran yang diisi dan dihantarkan seperti biasa dibuat sekarang ini.

B. Cara Menghantar Borang

- (a) Tiap-tiap Mahkamah Majistret hendaklah mengisi tiga salinan borang itu; satu salinan untuk simpanan Pejabat dan dua salinan dihantarkan ke Mahkamah Tengah yang akan menghantarkan satu salinan ke Ibu Pejabat di Kuala Lumpur dan satu salinan disimpan di Mahkamah Tengah.
- (b) Bagi Mahkamah Tengah, dua salinan borang itu hendaklah diisikan. Satu salinan dihantarkan ke Ibu Pejabat di Kuala Lumpur dan satu salinan lagi disimpan di Pejabat.
- (c) Bagi Mahkamah Tinggi, peraturan seperti dinyatakan di(b) diatas hendaklah diikuti.
- (d) Lapuran Bulanan ini hendaklah sampai di Pentadbiran ini pada 15hb. tiap-tiap mulai Bulan Disember, 1979; iaitu sebelum 15hb. Januari, 1980, Lapuran Bulan Disember, 1979 hendaklah sampai di Pentadbiran ini.

Demikian dimaklumkan dan peraturan ini hendaklah diikuti dengan serta merta.

(HAJI WAN MOHAMED BIN HAJI WAN MUSTAPHA)

KETUA PENDAFTAR.

s.k.

1. Ketua Pegawai Pentadbir.
  2. Penolong Pegawai Pentadbir.
  3. Pegawai Pembangunan.
  4. Pegawai Kerja Akaun.
  5. Pegawai Kerja.
  6. Kerani Besar "A".
  7. Setiausaha kepada Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara.
  8. Setiausaha kepada Yang Arif Hakim Besar Malaya.
  9. Setiausaha kepada Yang Arif Hakim Besar Borneo.
  10. Semua Setiausaha kepada Yang Arif Hakim Mahkamah Persekutuan.
  11. Semua Setiausaha kepada Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Malaysia.
-